



**PEKELILING AKADEMIK BIL. 21/2020**

**Dekan/Pengarah**

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Fakulti Pendidikan  
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Fakulti Sains Kesihatan  
Fakulti Farmasi  
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)  
Pusat Citra Universiti

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

**PENGESAHAN MAKLUMAT KEPERLUAN PEPERIKSAAN AKHIR PRASISWAZAH  
SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2019/2020**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa minggu peperiksaan Semester 3 Sesi Akademik 2019/2020 akan diadakan mulai **24 hingga 28 Ogos 2020**. Pengendalian peperiksaan akhir ini mengikut panduan pengurusan peperiksaan prasiswazah yang telah diberi pengiktirafan ISO 9001:2015.
3. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan urusan pengendalian Peperiksaan Akhir Semester 3 Sesi Akademik 2019/2020, Pusat ini memohon jasa baik YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan mendapat kerjasama pensyarah-pensyarah terlibat supaya membuat **Pengesahan Maklumat Keperluan Peperiksaan** melalui **SMPWEB** (<http://www.ukm.my/smpweb>).
4. Garis panduan untuk mengisi Maklumat Keperluan Peperiksaan adalah seperti berikut:-
  - i) Urusan pengesahan borang maklumat keperluan Peperiksaan Akhir Semester 3 Sesi Akademik 2019/2020 boleh dibuat mulai **20 Julai hingga 2 Ogos 2020**.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)  
Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

- ii) Penyelaras kursus diminta memasukkan maklumat keperluan peperiksaan ke dalam **SMPWEB**. Untuk makluman, jumlah soalan maksima yang dibenarkan untuk Borang OMR adalah 125 Soalan SAHAJA.
- iii) Penyelaras kursus diminta menyelaraskan tempoh peperiksaan kepada tempoh berikut bagi memudahkan penyelarasan penjadualan peperiksaan:
  - a. 1 jam
  - b. 1 jam 30 minit
  - c. 2 jam
  - d. 2 jam 30 minit
  - e. 3 jam
- iv) Pensyarah set lain atau ahli kumpulan pengajar lain boleh membuat semakan kepada borang tersebut tetapi tidak boleh membuat sebarang pindaan. Jika terdapat pindaan yang ingin dilakukan, maka pensyarah tersebut perlu memaklumkan kepada penyelaras kursus.
- v) Sekiranya nama pensyarah tidak terdapat pada set tersebut, sila maklum kepada Ketua Penolong Pendaftar/ Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar Fakulti masing-masing.
- vi) Pihak Fakulti/Pusat juga diminta membuat pemantauan urusan pengesahan maklumat keperluan peperiksaan ini.

5. YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan boleh menghantar emel kepada [smpweb@ptm.ukm.my](mailto:smpweb@ptm.ukm.my) atau **Puan Syuhada Nur Ab Rahman** ([syunur@ukm.edu.my](mailto:syunur@ukm.edu.my)) di Pusat Pengurusan Akademik untuk pertanyaan dan maklumat lanjut. Kerjasama dan bantuan pihak Fakulti/Pusat bagi memastikan urusan peperiksaan akhir ini akan berjalan dengan lancar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**ROHANA TAN**  
Timbalan Pendaftar  
Pusat Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)  
Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

